

06/10/2002

Konvensyen kutuk CBS, paderi ekstremis

MELAKA: Konvensyen Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) 2002 yang berlangsung di negeri ini, sebulat suara menerima resolusi khas mengutuk sekeras-kerasnya Stesen Televisyen CBS dan ekstremis kristian, Jerry Falwell yang menghina Nabi Muhammad saw.

Selain itu, resolusi berkenaan turut memberi amaran bahawa penghinaan yang sewenang-wenangnya itu hanya mengundang perbalahan dan pertentangan yang dimulakan Yahudi dan Kristian yang tidak cintakan keamanan juga bangsa yang sombong dan angkuh.

Konvensyen DMDI yang diadakan di Riviera Bay Resort (RBR), Tanjung Kling, dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin. Ia dihadiri kira-kira 100 peserta negara Islam seluruh Nusantara selain Sri Lanka, Australia, Afrika dan England.

Majlis penutup disempurnakan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, petang semalam. Konvensyen tiga hari itu dianjurkan oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep) dengan kerjasama kerajaan negeri.

Mohd Ali berkata, Presiden Amerika Syarikat, George W Bush perlu memberi amaran kepada Jerry Falwell serta CBS supaya tidak bermain api kerana dakwaan itu boleh mencetuskan keadaan lebih buruk kepada dunia.

"Mereka mesti lebih berhati-hati, menarik balik pernyataan dan bersikap lebih bertanggungjawab sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan membabitkan isu agama," katanya kepada pemberita selepas menutup konvensyen berkenaan.

Mohd Ali menyarankan supaya kerajaan Malaysia mengharamkan setiap stesen televisyen di negara ini dari menyiarkan temuramah satu jam itu kerana menghina Rasulullah satu perbuatan biadap.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak turut kesal terhadap Paderi Baptist kerana menyifatkan Nabi Muhammad saw sebagai seorang pengganas.

Beliau berkata, selepas peristiwa 11 September, pihak Barat mula memandang serong terhadap umat Islam walhal tidak semuanya bersifat ganas dan suka menyerang bukan Islam.

"Serangan di World Trade Centre (WTC) hanya dilakukan oleh segelintir umat Islam dan ia tidak mencerminkan semua orang Islam itu ganas apatah lagi melabelkan Nabi Muhammad saw sebagai seorang pengganas. Sebagai umat Islam, kita amat kesal dengan tuduhan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis taklimat pilihan raya dan pendaftaran pengundi Umno di sini, petang semalam.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata Umno Melaka perlu bekerja keras bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.